

21/09/2000

Mesyuarat kedua RSC-AP 24 September

PUTRAJAYA, Rabu - Mesyuarat Kedua Jawatankuasa Pemandu Kemajuan Ekonomi Wanita Luar Bandar dan Kepulauan Asia Pasifik (RSC-AP) akan diadakan pada 24 hingga 28 September ini akan memberi perhatian mengenai perancangan meningkatkan taraf hidup golongan termiskin.

Isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, yang juga Pengerusi RSC-AP berkata, penumpuan diberikan lebih kepada isu itu kerana program berkenaan terbukti berjaya dilaksanakan di kalangan penduduk miskin di negara anggota RSC-AP, khususnya Malaysia.

"Golongan termiskin memerlukan pendekatan berbeza kerana mereka daif sehingga tidak mempunyai rumah, pakaian dan anak tidak bersekolah.

"Mereka berbeza dengan golongan miskin. Golongan miskin, hanya memerlukan bantuan lain seperti modal untuk memulakan perniagaan," katanya pada sidang akhbar RSC-AP di Seri Perdana di sini, hari ini.

Dr Siti Hasmah berkata, mesyuarat kali kedua itu akan dirasmi oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 26 September dan dijangka dihadiri 150 peserta.

Beliau berkata, setakat ini, wanita pertama Iran, India, Pakistan, Mongolia, Papua New Guinea mengesahkan kehadiran manakala Filipina, Kazakhstan, Tonga, Maldies, Indonesia dan Vietnam akan menghantar perwakilan khas.

(END)